

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 24, 2017 3:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Ustaz Wadi Al-Kuliyah Dedah Penjajah Sebenar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 OGOS 2017 / 02 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)
Oleh: Siti Fatimah Abdullah

USTAZ WADI AL-KULIYYAH DEDAH PENJAJAH SEBENAR



UUM ONLINE: “Kita bercakap tajuk apapun penghujung seluruh kehidupan berakhir apabila kaki melangkah masuk ke syurga kemudian mendapat redha Allah, itulah dua benda terakhir tentang kewujudan kita di alam ini sama ada kerja cikgu, staf, pensyarah, doktor, sultan, menteri besar dan jual cendol pulut.

“Akhir sekali dua perkara inilah yang menyebabkan kita bebas dari alam ujian, tiada kesedihan, tiada kemiskinan, tiada penghinaan, tiada manusia mengutuk manusia lain, semua warga syurga hidup aman damai berlapang dada.”

Demikian kata Ustaz Wadi Annuar Ayub dalam Ceramah Kemerdekaan: Merdeka Hakiki yang berlangsung di Auditorium SAC, UUM, semalam.

Jelasnya, majlis ilmu ini sebagai peringatan supaya kita menjaga diri dan ahli keluarga agar berada di jalan yang betul supaya bila sampai di garisan penamat yang tersayang anak, isteri, ibu ayah sentiasa di sisi.

“Jika pergi umrah misalnya, dalam penerbangan kita mahu biar satu baris tempat duduk keluarga kita saja kerana indahnya bersama yang tersayang begitu juga di syurga kalau 3 orang duduk dalam syurga 4 lagi di neraka lalu ahli syurga akan menziarah ahli neraka yang berada dalam gaung yang jutaan kilometer ke bawah.

“Kita yang masuk syurga mencari-cari, bapa, adik mana? Cari satu syurga, Firdaus, Naim, Makwa, Adnan tak ada, akhirnya duduk termenung tapi itulah nikmat yang akan memisahkan seseorang dengan ahli keluarga tatkala seorang masuk syurga dan seorang lagi melangkah ke neraka, itulah perpisahan sebenar.

“Sekali Allah bagi ayah itulah ayah kita sampai bila-bila sebab itu kalau nak konflik dengan mak ayah ingat, sampai dalam syurga itulah mak ayah kita,” terangnya.

Ujarnya, syurga neraka telahpun siap setiap nama yang Allah cipta telah disediakan satu kunci syurga dan neraka tinggal nak ambil yang mana?

Tambahnya, ketika nabi dimikrajkan baginda melawat syurga dan mendapati hebatnya hamba abdi bernama Bilal bin Rabah yang tidak ada rupa paras sehinggakan berkali-kali pinangan ditolak oleh wanita Madinah, yang duduk di atas dunia namanya sudah terpahat di syurga.

“Nabi bertanya, *wahai Bilal apa ibadah yang kamu buat?* Jawab Bilal, *Ya Rasulullah, selain baca quran, puasa, bangun malam, sedekah, tiap-tiap kali berwudhuk aku akan solat sunat wudhuk.*

“Dalam hidup kena ada satu pengorbanan yang orang lain tak boleh buat, kita perlu ada amalan yang menyebabkan Allah jatuh hati dan redha dengan kita seperti kisah 3 pemuda terperangkap dalam gua setelah batu tergolek menutupi gua.

“*Ayuh kita sebut pada Allah 1 amalan yang paling hebat yang kita lakukan kerana Allah* antaranya menyebut tentang berkorban untuk ibu ayah melebihi isteri dan anak-anaknya akhirnya pintu gua terbuka,” ceritanya.

Berkongsi pengalamannya, beliau pernah melihat mayat yang tiada tandingan, mati pada bulan Ramadan, malam Jumaat (dibebaskan dari azab kubur) dan ketika sujud (iaitu keadaan yang paling dekat dengan Allah).

“Kata Nabi, antara orang yang boleh menyaingi aku di titian sirat ialah wanita yang kematian suami dan membesarkan anak-anaknya.

“Ibu tunggal banyak cabarannya, suami meninggal ketika berumur 30-an, besarkan 6 anak sehingga berjaya pada masa sama menjaga maruah, iman, ibadah sampai umur 67 tidak kahwin, kebiasaan sebelum tidur saya akan dengar makcik ini membaca Al-Quran sebaik terjaga saya masih lagi mendengar bacaannya,” kongsinya.

Tegasnya, manusia dijajah syaitan dan hawa nafsu, ketika syaitan dihalau keluar dari syurga dia memohon pada Allah, *aku akan sesatkan anak adam sehinggalah malaikat meniup sangkakala* dan permintaan syaitan dipenuhi, Allah membalas, *kecuali hamba yang ikhlas mengerjakan ibadah kepada-Ku*.

“Sabda nabi, dari 1,000 orang hanya satu yang masuk syurga manakala 999 lagi masuk neraka dengan jadi tidak hairanlah jika 70% orang Malaysia yang tidak sembahyang, itu tidak termasuk lagi yang rasuah, judi dan zina.

Dedahnya, selama mana tidak melangkah masuk ke dalam syurga, selama itu kita akan diuji, selama itu kita boleh jatuh serendah-rendahnya walaupun kita buat 180 masjid.

“Ini kisah benar yang berlaku, seorang imam bertugas 17 tahun diserang sakit bertahun lamanya dengan takdir Allah dia sihat dan mendapati namanya di masjid sudah diganti orang lain sehingga mencetuskan perbalahan.

“Akhirnya berkecil hati lama kelamaan jauh dari masjid lebih menyedihkan, dia memakai seluar pendek, siapa sangka satu imam yang menikahi orang, boleh jatuh sampai ke bawah.

“Kalau bertaubat umur 60, Allah akan padam dosa 60 tahun, bila buat balik ada 2 kemungkinan, sengaja dan bersumpah tidak mahu mengulanginya tetapi bila iman lemah dia buat balik, jadi teruskan bertaubat,” pesannya.

Programa anjuran Pusat Penginapan Pelajar (SAC) yang diadakan sempena Sambutan Kemerdekaan Malaysia ke-60 disampaikan oleh pendakwah yang hebat dan sering muncul dalam rancangan Al-kuliyah (TV3).

Beliau yang berkelulusan Jurusan Syariah dan Bahasa Arab dari Institut Fatah Islami, Damsyik merupakan Pengetua Akademi Al Habibul Musthafa dan Pengetua Maahad Tahfiz al Anwar.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara

Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.